

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF  
(RANTAU PANJANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 03.04.2018**

**Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [ RANTAU PANJANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tentang status terkini perkembangan projek ECRL dan Bandar Malaysia serta perancangan jangka pendek dan jangka panjang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) merupakan projek infrastruktur nasional yang melibatkan pembinaan laluan keretapi sepanjang 688km dari Pengkalan Kubor, Kelantan ke Pelabuhan Klang, Selangor yang membabitkan 2 fasa iaitu pembinaan Fasa Pertama di antara Kota Bharu ke ITT Gombak manakala pembinaan Fasa Kedua bermula

5

dari ITT Gombak ke Pelabuhan Klang dan Kota Bharu ke Pengkalan Kubor. Pemilikan, pengurusan dan operasi ECRL akan sepenuhnya dikawal oleh kerajaan Malaysia melalui syarikat khusus milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan, iaitu Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL).

Tuan Yang di-Pertua,

Kerja-kerja awal Fasa Pertama telah dimulakan melibatkan ujian tanah dan pembersihan tapak (*site clearing*). Bagi memastikan projek ECRL dapat dilaksanakan dengan lancar di setiap negeri yang terlibat, *Site Base* dan *Satellite Office* disediakan oleh kontraktor utama iaitu *China Communications Construction Company (CCCC)* yang merangkumi pejabat & fasiliti tapak serta lain-lain keperluan yang berkaitan termasuk surau bagi kegunaan para pekerja. Selain itu, persiapan bagi kerja-kerja berkaitan pembinaan terowong sedang dijalankan di Bentong.

Permohonan pengambilan tanah bagi negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang telah diwartakan di bawah Seksyen 4 dan kini sedang dalam proses pewartaan di bawah Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960. Manakala bagi negeri Selangor, pihak MRL sedang mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Negeri untuk

dibentangkan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) bagi proses selanjutnya.

Selain itu, projek ini turut memberi keutamaan kepada kontraktor tempatan, Satu siri jelajah *Pre-Qualification* dan pendaftaran sub-kontraktor tempatan telah pun dijalankan pada Oktober 2017 yang lalu di mana 1,118 kontraktor tempatan telah didaftarkan. Oleh yang demikian, tender-tender berkaitan kerja-kerja sivil akan bermula pada April tahun ini. Untuk makluman, sejumlah 215 syarikat tempatan merangkumi konsultan, pembekal dan kontraktor tempatan telahpun terlibat untuk kerja-kerja awal Fasa Pertama.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak MRL telah memperoleh kelulusan muktamad bagi Skim Kereta Api Fasa Pertama pada 23 Jun 2017 dan Kajian Impak Alam Sekitar (*Environmental Assessment Report*) pada 20 Jun 2017. Sesi Pemeriksaan Awam (*Public Inspection*) Fasa Pertama telah diadakan dari 8 Mac hingga 7 Jun 2017 dengan 96% responden menyokong projek ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Bagi Fasa Kedua pula, pada November 2017, pihak MRL telah memperoleh kelulusan bersyarat

bagi Skim Kereta Api dan Sesi Pemeriksaan Awam (*Public Inspection*) Fasa Kedua telah bermula pada 4 Disember 2017 sehingga 5 Mac 2018. Pameran Awam (*Public Display*) bagi Kajian Impak Alam Sekitar (*Environmental Assessment Report*) dijalankan selama sebulan bermula dari 15 Januari 2018 sehingga 13 Februari 2018.

Bagi memastikan rakyat bakal mendapat faedah secara menyeluruh, terutamanya bagi golongan belia, MoU antara Malaysia dan CCCC serta institusi pengajian tinggi awam, institut kemahiran dan kolej komuniti tempatan telah ditandatangani bagi merealisasikan kerjasama industri dan pihak akademik untuk Program Latihan Kemahiran Industri Projek ECRL (PLKI). Program latihan ini memfokuskan peningkatan kemahiran graduan tempatan yang berpotensi untuk diambil bekerja oleh kontraktor ECRL dan industri. Sehingga kini, seramai 49 orang pelatih kumpulan pertama berjaya menamatkan Program Professional di bawah PLKI pada Disember 2017 dan telah pun memulakan tugas mereka di MRL dan CCCC pada Januari 2018. Manakala seramai 136 pelatih di bawah Program Kemahiran telah menamatkan latihan pada Februari 2018 dan seterusnya bermula bekerja di CCCC pada bulan yang sama. Buat masa ini, seramai 128 pelatih sedang menjalani latihan di Universiti Malaysia Pahang dan bakal menamatkan latihan pada bulan April. Sebanyak 3,600 anak tempatan disasarkan untuk menjalani latihan

sepanjang projek ECRL dilaksanakan sekaligus memberi peluang kepada belia Malaysia memenuhi keperluan kerja dalam bidang rel dan kereta api ECRL.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat,

Keseluruhan projek ECRL yang melibatkan Fasa Pertama dan Kedua dijangka akan dapat disiapkan sepenuhnya secara serentak pada penghujung suku kedua tahun 2024.

SOALAN (14)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 3 APRIL 2018  
[SELASA]

DARIPADA : YB TUAN LIEW CHIN TONG  
[ KLUANG ]

SOALAN :

**YB TUAN LIEW CHIN TONG [KLUANG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan konkrit dan garis masa Kementerian untuk meningkatkan tahap *walkability* termasuk keselamatan dan kemudahan pejalan kaki di Tambak Johor berikutan masalah kesesakan trafik pada waktu puncak gagal ditangani pihak Kerajaan.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semasa sesi Pemukiman Kelapan antara Kerajaan Singapura dengan Malaysia pada 16 Januari 2018 lalu, antara lainnya membincangkan mengenai kesesakan trafik yang berlaku di Tambak Johor. Perkara ini adalah susulan daripada perbincangan yang dibangkitkan oleh Malaysia dalam mesyuarat Jawatankuasa Khas Peringkat Menteri antara Malaysia-Singapura bagi Wilayah Pembangunan Iskandar Malaysia (*Joint Ministerial Committee for Iskandar Malaysia – JMCIM*) pada bulan Julai 2017.

Berdasarkan pemerhatian, kesesakan trafik ini memberi kesan kepada mereka yang berulang-alik menggunakan Tambak Johor, seperti:

- (i) tempoh masa yang lama bagi menyeberangi tambak pada waktu puncak;
- (ii) kesesakan trafik pada waktu puncak mendorong ramai pengguna untuk berjalan kaki menyeberangi tambak; dan
- (iii) pejalan kaki di atas Tambak Johor terdedah kepada risiko kemalangan, selain hujan dan panas, kerana tiada laluan khusus disediakan.

Dalam hal ini, JMCIM telah menyatakan keperluan untuk mengadakan kajian bersama antara kedua-dua Kerajaan bagi menangani isu kesesakan trafik di Tambak Johor. Selain daripada langkah-langkah mengurangkan kesesakan trafik di Tambak Johor, cadangan laluan khusus bagi pejalan kaki turut dipertimbangkan bagi meningkatkan keselamatan dan keselesaan pejalan kaki. Pada masa ini, cadangan berkenaan masih berada di peringkat awal kajian bersama antara Malaysia dan Singapura bagi melihat kebolehlaksanaan dan lain-lain kriteria sebelum dilaksanakan.

Selain itu, Pasukan Bertindak Khas (*Special Task Force*) yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri juga ditubuhkan untuk membincangkan isu kesesakan trafik di Tambak Johor dan Lintasan Kedua (Linkedua). Pasukan ini adalah sebahagian daripada usaha holistik bagi meningkatkan tahap kesalinghubungan (*connectivity*) antara Malaysia dan Singapura.

Sekian, terima kasih

Mac 2018



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM**  
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH**  
**[LIMBANG]**  
**TARIKH : 3 APRIL 2018**  
**SOALAN : 15**

**Tuan Haji Hasbi Bin Haji Habibollah [ Limbang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dapatkah Kementerian membina sebuah klinik pakar asas atau menambah bilangan pakar-pakar dalam bidang kritikal di Hospital Limbang.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Daerah Limbang telah pun mempunyai Hospital Limbang yang merupakan salah satu daripada lima buah Hospital Berpakar Minor di Sarawak. Hospital Limbang telahpun dinaiktaraf menjadi sebuah Hospital Berpakar Minor yang menyediakan kepakaran asas sejak tahun 2010.

27

Bagi meningkatkan lagi taraf perkhidmatan perubatan di Hospital Limbang, pihak Kementerian telahpun membina Bangunan CT Scan dan telah beroperasi sejak Julai 2014.

Selain itu, Projek Pembinaan Bangunan NICU (Unit Rawatan Rapi Neonat) telah diluluskan pada tahun 2016 dan sedang dalam peringkat rekabentuk oleh pihak agensi pelaksana (JKR Sarawak).

Untuk pelan jangka panjang KKM memang mempunyai perancangan menaiktaraf fasiliti di Hospital Limbang misalnya membina Blok Tambahan yang menempatkan Klinik Pakar, Dewan Bedah dan Unit Rawatan Rapi. Cadangan projek ini akan dipohon dalam *Rolling Plan* (dengan izin) Rancangan Malaysia akan datang.